

KESELAMATAN PERALATAN ICT MAJLIS PERBANDANDARAN KLANG

Pinjaman Peralatan Peralatan ICT termasuklah projektor, komputer riba, PC, pencetak, dan aksesori yang berkaitan seperti kabel komputer dan sebagainya, adalah di bawah tanggungan JTM. Oleh itu setiap peralatan yang dipinjam atau dibawa keluar atau masuk dikehendaki mengikut prosedur berikut:

- (A). Memohon kepada JTM untuk membuat peminjaman peralatan yang diperlukan.
- (B). Pengguna dikehendaki menggunakan Borang Kebenaran Membawa Keluar Peralatan ICT Jabatan yang disediakan oleh JTM.
- (C). Peminjam dikehendaki menandatangani Kad Daftar Pergerakan Harta Modal dan Inventori sebelum peralatan dibawa keluar.
- (D). Peralatan yang dipinjam perlulah dikembalikan setelah selesai menggunakannya untuk semakan dan simpanan.
- (E). Peminjam adalah bertanggungjawab untuk memastikan ke semua peralatan dikembalikan dengan sempurna, lengkap dan selamat. Dan
- (F). Sebarang kerosakan dan kegagalan peralatan untuk berfungsi dengan baik hendaklah dilaporkan kepada Helpdesk ICT dengan segera.